

PERATURAN PERTANDINGAN SNOOKER

1. AM

Pertandingan ini dinamakan Kejohanan

2. PENGANJUR / PENGELOLA

Pertandingan ini dianjurkan dan dikelolakan oleh _____

3. PENDAFTARAN

- 3.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua pegawai/anggota/kakitangan yang bertugas di bawah Jabatan Penjara Malaysia
- 3.2 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar seramai lima (5) orang pemain dan satu (1) pemain simpanan menggunakan **Borang** yang disediakan.
- 3.3 Pemain yang tidak didaftarkan tidak dibenarkan mengambil bahagian. Sekiranya berlaku sedemikian, penyertaan pasukan tersebut dalam pertandingan ini akan dibatalkan secara automatik. Semua perlawanan sebelumnya yang disertai oleh pasukan tersebut dianggap tidak sah. Jika menang, kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawan.

4. TEMPAT DAN JADUAL PERTANDINGAN

- 4.1 Tempat dan tarikh pertandingan akan dimaklumkan kemudian.
- 4.2 Setiap perlawanan hendaklah mengikut jadual yang akan disediakan oleh Jawatankuasa Penganjur.
- 4.3 Segala peralatan pertandingan akan disediakan oleh penganjur pertandingan.

5. FORMAT PERTANDINGAN

- 5.1 Perlawanan akan dijalankan secara serentak bagi setiap pemain di dalam pasukan. Susunan pemain adalah seperti berikut:
 - i. Perseorangan
 - ii. Bergu I
 - iii. Bergu II
- 5.2 Pertandingan ini akan dijalankan secara Kumpulan A & B sekiranya penyertaan oleh enam (6) atau lebih pasukan dan secara liga sekiranya penyertaan kurang dari enam (6) pasukan.
- 5.3 Pertandingan ini adalah berdasarkan kepada "best of 3 set".
- 5.4 Peraturan International Snooker adalah dirujuk.
- 5.5 Pengurus atau Ketua Pasukan setiap Jabatan/Agensi hendaklah menyerahkan senarai nama pemain kepada urusetia pertandingan sepuluh (10) minit sebelum perlawanan dimulakan.

6. KEMENANGAN PERCUMA

Kemenangan percuma akan diberikan kepada mana-mana pemain jika pihak lawan didapati melakukan kesalahan seperti berikut:

- i. Tidak mendaftar sebagai pemain.
- ii. Gagal berada di gelanggang sepuluh (10) minit selepas masa perlawanan dimulakan.
- iii. Tidak mahu meneruskan perlawanan.

7. PENGADILAN

- 7.1 Dua (2) pengadil yang juga bertindak sebagai pemerhati akan disediakan untuk memantau setiap perlawanan.
- 7.2 Kiraan mata hendaklah dihitung oleh pemain sendiri.
- 7.3 Oleh kerana pertandingan ini di dalam kementerian, para pemain diharapkan dapat memberikan kerjasama dalam membuat keputusan dalam setiap perlawanan.

8. **BANTAHAN**

Segala bantahan boleh dibuat dengan merujuk kepada **Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan** yang dilantik oleh pihak penganjur kejohanan ini.